

Pemasyhuran Kuantan sebagai bandar raya

# Seri Paduka titah tingkat perkhidmatan untuk rakyat

Kerajaan negeri, MBK perlu tumpu usaha ke arah kesejahteraan penduduk

Oleh Shahrinnahar Latib  
bhnews@bh.com.my

**Kuantan:** Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah menitahkan kerajaan negeri dan Majlis Bandaraya Kuantan (MBK) menumpukan usaha ke arah peningkatan perkhidmatan yang mengutamakan rakyat.

Al-Sultan Abdullah bertitah, pernubuhan sebuah bandar raya bukanlah semata-mata pada nama, sebaliknya perlu menumpukan usaha ke arah kesejahteraan rakyat.

"Beta menzahirkan rasa syukur kepada Allah kerana dengan keizinannya juga bandar Kuantan yang juga ibu negeri Pahang

Darul Makmur akan dimasyhurkan sebagai sebuah bandar raya.

"Mengikut catatan sejarah, bandar Kuantan sudah wujud sekitar pertengahan kurun ke-19. Bermula dengan sistem pentadbiran bandar menerusi pembubuhan Kuantan Sanitary Board pada 1 Ogos 1913, bandar Kuantan kini terus melangkah gagah dan bakal mencipta satu lagi sejarah," titah baginda pada majlis pemasyhuran bandar raya Kuantan dan Perasmian Kompleks MBK di sini, semalam.

Turut berangkat, Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah dan Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah



**Al-Sultan Abdullah bersama Tunku Azizah Aminah Maimunah** menurunkan tandatangan ketika mencemar duli menghadiri majlis Pemasyhuran Bandaraya Kuantan dan perasmian Kompleks Bandaraya Kuantan, di Kuantan, semalam. Yang turut hadir, Muhyiddin bersama isteri, Noorainee dan Zuraida. (Foto BERNAMA)

Al-Sultan Abdullah.

Yang turut hadir, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan isteri, Puan Sri Noorainee Abdul Rahman, Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Zuraida Kamaruddin serta Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Saifuddin Abdullah.

Baginda turut meminta semua

rakyat Pahang mendoakan bandar raya Kuantan menjadi sebuah bandar raya unggul dan sentiasa berada dalam lindungan Allah.

"Maka dengan lafadz Bismillahirrahmanirrahim, beta mengisyartiharkan Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) hendaklah mulai 21 Februari (semalam) menjadi sebuah bandar raya dan bergelar Majlis Bandaraya Kuantan.

"Beta juga dengan ini melantik

Datuk Hamdan Hussin sebagai Datuk Bandar MBK Kuantan dan juga merasmikan Kompleks Majlis Bandaraya Kuantan," titah baginda.

Sementara itu, Wan Rosdy berkata, pemasyhuran Kuantan sebagai bandar raya akan dapat memberi impak dan kesan besar bukan sahaja dalam aspek urus tadbir, malah kepada keseluruhan pembangunan di daerah itu.